



**KEMENTERIAN KEWANGAN
KENYATAAN AKHBAR MENGENAI
PENIADAAN CUKAI IMPORT BAGI AKSESORI KOMPUTER
DAN AKSESORI BASIKAL**

Pada Menjunjung Titah Perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan dengan ini memaklumkan bahawa kadar cukai import bagi aksesori-aksesori komputer dan aksesori-aksesori basikal akan ditiadakan berkuatkuasa mulai **1 April 2011**.

2. Peniadaan cukai import bagi aksesori komputer ini adalah dihasratkan pada menggalakkan lagi daya cipta dan kreatif rakyat dan penduduk Negara ini terutama sekali di kalangan pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut di sekolah mahupun di Institusi-Institusi teknikal. Manakala peniadaan cukai import bagi aksesori basikal adalah selaras dengan langkah Kerajaan bagi peniadaan cukai import bagi basikal yang juga akan berkuatkuasa mulai 1 April 2011.

Sekian.



Kementerian Kewangan

Rujukan: KKW/MKII/26

Tarikh: 24 Rabiulakhir 1432/ 29 Mac 2011